

**KENYATAAN AKHBAR
YBHG. DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

PELAKSANAAN PROGRAM KAR1SMA @HATI RAKYAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan satu pasukan khas yang terdiri daripada pelbagai agensi di peringkat Pusat dan Negeri serta badan bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program Karisma @Hati Rakyat di seluruh Negara. Pasukan khas ini akan turun padang untuk mengesan kumpulan sasar di bawah KPWKM yang masih belum menerima bantuan daripada Kerajaan dan juga tidak termasuk dalam Jaringan Keselamatan Sosial.

Program ini berkonsepkan *outreach* bagi mendekati dan mendampingi rakyat sekaligus melakukan verifikasi bagi mengenalpasti individu yang layak untuk menerima bantuan KAR1SMA @Hati Rakyat ini di peringkat akar umbi. Oleh yang demikian, tiada sebarang borang permohonan akan diedarkan bagi tujuan tersebut.

Program KAR1SMA @Hati Rakyat yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri baru-baru ini.

Pemberian bantuan ini dilaksanakan melalui kaedah penyampaian baucar bernilai RM200 (bagi Semenanjung Malaysia) dan RM300 (Sabah/Sarawak/Labuan). Baucar ini boleh ditebus untuk pembelian barangan di kedai-kedai terpilih yang berdaftar di bawah Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada atau sebelum 31 Mac 2013.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai program ini boleh diajukan ke talian hotline KARISMA @Hati Rakyat di 03-8323 2505.

DR. NOORUL AINUR MOHD.NUR